

06 JAN 1999

Ting-Rumah

TING KESALI KRITIKAN TERHADAP KEMPEN PEMILIKAN RUMAH

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh hari ini melahirkan kesalnya dengan kritikan sesetengah pihak kononnya kempen pemilikan rumah yang masih berlangsung sekarang hanya menguntungkan pihak pemaju sahaja.

"Saya diberitahu oleh kebanyakan orang bahawa kempen itu adalah baik tetapi saya dukacita sedikit kerana ada sesetengah pihak yang bersikap negatif dengan mengatakan kempen itu hanya memberi manfaat kepada pemaju sahaja," katanya ketika diminta mengulas mengenai kempen itu di sini.

Katanya, kempen pemilikan rumah yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 12 Dis lepas dan akan berakhir 12 Jan ini sebenarnya memberi manfaat kepada semua pihak, bukan sahaja pemaju tetapi juga pembeli dan kerajaan.

"...kempen itu juga sebagai salah satu usaha untuk memulihkan ekonomi negara kerana industri pembinaan berkait rapat dengan kira-kira 142 aktiviti ekonomi yang lain.

"Kalau industri pembinaan itu dapat dipulihkan, bererti aktiviti ekonomi lain yang berkaitan dengannya juga dapat dipulihkan," katanya.

Katanya, kempen itu memberi manfaat kepada pembeli kerana mereka mendapat potongan harga, pengecualian duti setem dan sekali gus membolehkan pembeli membandingkan harga dan jenis rumah yang mereka ingin miliki.

Para pemaju pula mendapat faedah melalui peningkatan dalam jualan mereka, katanya.

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan menjadikan kempen itu sebagai acara tahunan, Ting berkata, setakat ini belum ada rancangan untuk berbuat demikian.

"Kerajaan telah membuat keputusan kempen selama satu bulan sudah memadai. Untuk masa depan, itu saya belum pasti lagi," katanya.

Mengenai kenyataan Bank Negara semalam yang meminta institusi perbankan tidak membiayai pembangunan unit kediaman dan kedai yang berharga melebihi RM250,000, Ting berkata tindakan itu tidak membabitkan banyak pihak khususnya rakyat biasa.

"Hanya segelintir sahaja terlibat. Semua rakyat mendapat faedah dengan sistem yang sedia ada...semua rakyat boleh mendapatkan pinjaman untuk membeli rumah.

"Bank Negara ada maklumat tentang keadaan industri hartanah di negara ini dan keputusan itu dibuat berdasarkan maklumat yang diperolehi oleh Bank Negara," katanya.

-- BERNAMA

APG NMO